

Kluang: “Kami bersyukur menerima bantuan ini selepas hampir lima hari terperangkap dan terputus hubungan dari dunia luar,” ujar Batin Kampung Orang Asli Pucur, Semanggar Ahmad.

Menurutnya, penduduk di kampung itu berjimat cermat dan bertahan dengan makanan yang ada selepas kawasan sekeliling kampung itu ditenggelami banjir besar sejak Sabtu lalu.

Bagaimanapun, misi bantuan diketuai Ketua Penolong Pegawai Daerah, Herman Raban membabitkan Pasukan Bomba dan Penyelamat Kluang, Klinik Kesihatan Kahang, Polis, Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), semalam memberi ‘nyawa’ kepada mangsa.

“Terdapat 95 penduduk daripada 25 keluarga di Kampung Orang Asli Pucur di Kahang, di sini,” katanya.

Sementara itu, Herman berkata, pasukan penyelamat menggunakan enam bot untuk ke perkampungan Orang Asli itu.

“Kunjungan itu dilakukan

Berjimat 5 hari ‘terperangkap’



ANGGOTA bomba dan pasukan keselamatan bergotong-royong mengangkut bekalan makanan untuk diserahkan kepada penduduk Kampung Orang Asli Pucur.

berikutan keadaan kampung berkenaan yang terputus perhubungan darat sejak lima hari lalu dan hanya boleh dihubungi menggunakan jalan sungai.

“Kami segera memberi bantuan selain melakukan pemeriksaan kesihatan terhadap kanak-kanak dan kaum ibu di kampung berkenaan.

“Malah kami turut mem-

bawa bantuan bekalan makanan dan kit bencana banjir untuk diserahkan kepada penduduk,” katanya.

Menurutnya, penduduk di kampung itu tidak dapat keluar ke Pekan Kahang berikutan arus banjir yang deras.

“Semoga bantuan ini membolehkan mereka bertahan hingga keadaan banjir pulih,” katanya.